

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08 DECEMBER 2016

'Tun M korban prinsip kerana dendam'

BH- 8/12/2016

➔ Tindakan bekas PM kecewakan orang Melayu: Ahmad Bashah

Oleh Petah Wazzan Iskandar, Muhammad Mustakim Ramli dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Rakyat perlu menilai tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mungkin mempunyai dendam sehingga sanggup melakukan perkara mengecewakan, terutama kepada orang Melayu.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata apa yang berlaku ketika ini adalah di luar jangkaan kerana bekas Perdana Menteri itu ketika dalam UMNO, mengutuk sekeras-kerasnya DAP serta dasar parti terbabit.

"Kita memang tak sangka Tun sanggup bekerjasama dengan DAP, malah siap berganding tangan dengan pemimpin parti itu, seolah-olah tanda penyatuan pada Persidangan Kebangsaan DAP, baru-baru ini. Semua kata-kata sepanjang 22 tahun pentadbiran Tun sebagai Perdana Menteri terhadap DAP berubah sama sekali

"Rakyat kena menilai perkara ini kerana ia betul-betul mengecewakan," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

dan Property Builder KK Sdn Bhd bagi melaksanakan Projek Pembangunan Aman Laut, di sini semalam.

Di **Kangar**, Timbalan Pengerusi UMNO Perlis, Datuk Seri Azlan Man, berkata Dr Mahathir yang sanggup mengorbankan prinsip peribadi apabila bersama DAP semata-mata mahu menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak, tidak mencerminkan perwatakan beliau ketika memimpin negara dan UMNO suatu ketika dahulu.

Hebat kritik DAP

"Dahulu Tun hebat kritik DAP, malah DAP sendiri turut kritik Tun kerana dasar yang dilaksanakan beliau sewaktu menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun. Sekarang boleh pula duduk semeja dalam satu majlis bersama musuh, nampaknya Tun sendiri mengorbankan prinsipnya," katanya.

Beliau yang ditemui pemberita selepas sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di sini semalam, mengulas tindakan Dr Mahathir hadir bersama pemimpin utama DAP ke persidangan kebangsaan parti cauvinis itu di Shah Alam, Ahad lalu.

Azlan yang juga Menteri Besar Perlis berkata, tindakan Dr Mahathir itu juga demi kepentingan politik bagi mencapai agenda beliau, iaitu untuk menumbangkan Perdana Menteri dan kerajaan Ba-

risan Nasional (BN) yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat.

Di **Alor Setar**, Ketua Pemuda UMNO Kedah, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin, berkata Dr Mahathir perlu beristighfar dan melafazkan semula syahadah kerana dibimbangi syirik selepas mempersembahkan Nabi Muhammad SAW menerusi kenyataannya pada konvensyen DAP.

Katanya, sikap bekas Perdana Menteri itu yang memperlekehkan Baginda di pentas politik semata-

mata mahu menghalalkan tindakannya, bukan sahaja perbuatan yang biadab tetapi turut menyentuh sensitiviti umat Islam.

"Demi dendam dan amarah selepas gagal tumbangkan kerajaan BN, beliau sanggup heret dan jaja nama Nabi. Dahulu ketika berkuasa, beliau pernah mempersendakan hudud dan memperlekeh janggut Nabi. Kini, di depan parti yang jelas memusuhi Islam, beliau sekali lagi mempersendakan Nabi," katanya.



Keratan akhbar BH semalam.